

## Ordersini mampu tembusi negara jiran

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my



NAS Iffat.

Kuala Lumpur: OS Startup Sdn Bhd, penyedia platform e-dagang, Ordersini terus mendapat permintaan peniaga yang beralih ke pendigitalan bukan sahaja di Malaysia, bahkan di Asia Tenggara.

Pengasasnya, Nas Iffat Mohd Salleh berkata, justeru itu, pihaknya menjangkakan Ordersini mampu membuka langkah dan menembusi pasaran negara jiran seperti Singapura, Brunei dan Indonesia, tidak lama lagi.

Katanya, dalam dua tahun ini sahaja, Ordersini menerima jumlah pengguna dan permintaan tinggi untuk menggunakan sistem yang dibangunkannya itu.

"Kami sedang dalam usaha menaik taraf dan menambah fungsi baharu Ordersini setiap hari untuk memastikan pengguna dapat menjana jualan memberangsangkan.

"Syarikat komited menjadikan Ordersini sebagai pilihan utama peniaga konvensional yang mahukan transformasi digital terhadap perusahaan mereka," katanya.

Menurutnya, setiap tahun, platform yang disediakan secara percuma ini dilihat terus berkembang pesat.

Katanya, sehingga kini, terdapat lebih 3,700 kedai atau peniaga yang aktif, selain menampilkan lebih 40,000 produk, serta pengguna yang sudah mencecah lebih 300,000.

Beliau berkata, lebih menarik lagi, platform Ordersini akan dilengkapi dengan sistem pemasaran lebih unik, mesra pengguna dan canggih.

"Tahun ini, Ordersini melakar sejarah tersendiri apabila menjadi rakan penyedia program Micro Connector SME Corporation Malaysia yang memberi peluang kepada usahawan melakukan transformasi digital ketika musim pandemik.

"Terbaharu, syarikat yakin menerusi ordersini.com dapat membantu lebih 10,000 usahawan memiliki kedai dalam talian menjelang tahun depan di bawah pakej percuma kami," katanya.